

# Sindrom Buli Di Kalangan Remaja

Kebanyakan pembuli mempunyai tahap IQ yang tinggi. Ia menjadi senjata kepada mereka untuk merancang dan menyusun strategi bagi membuli mangsa

Oleh AZMAN IBRAHIM

**"K**ALAU saya mati dalam masa tiga hari, saya akan minta maaf dengan kawan-kawan, bayar hutang, taubat nasuha dan bersedekah."


Nota di atas telah ditulis oleh Allahyarham Mohamad Farid Ibrahim, pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Dato Klana Petra Maamor, Ampangan, Seremban. Dia menulisnya di dalam diari sebelum menemui ajal pada 28 Mac lalu. Mohamad Farid dilaporkan mengalami kecederaan di kepala, usus dan hati selepas dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior dan meninggal dunia di Hospital Seremban pada hari yang sama.

Kejadian yang menimpa Mohamad Farid cukup menyayat hati dan mengukuhkan lagi dakwaan banyak pihak bahawa remaja sekolah pada zaman ini semakin kritikal dan mempunyai masalah disiplin yang amat teruk. Percaya atau tidak, negara kita mempunyai lebih daripada 10 kes remaja buli yang mencederakan mangsa sehingga ke tahap parah sepanjang tahun ini sahaja. Malah, paling dahsyat pada awal tahun ini, negara sekali lagi gempar apabila kes buli pelajar sudah mencapai ke tahap membunuh.

Selepas kejadian buli paling buruk dalam negara itu, pelbagai pihak mula menuding jari kepada pihak sekolah, Kementerian Pendidikan, media massa dan ibu bapa. Namun, apakah punca sebenar kepada kejadian buli ini? Perlukah kita menyalahkan sistem pendidikan? Perlukah kita membuat kajian demi kajian berhubung masalah yang semakin kritikal ini? Realitinya banyak kajian mengenai buli telah pun dilakukan dan dikupas dengan baik oleh golongan cerdik pandai kita sejak zaman dahulu lagi.

Namun, setiap kajian yang dilakukan itu hanya tinggal kajian semata-mata kerana pihak-pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan didapati 'tidur lena dalam buaian' dan tidak proaktif bagi merenung dan menilai kembali setiap kajian yang dilakukan.

Dekan Fakulti Sains Kognitif dan



Remaja lelaki berpotensi melakukan buli terhadap rakan mereka berbanding remaja perempuan.

Pembangunan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Dr. Noran Fauziah Yaakob berkata, kejadian buli di negara ini sebenarnya banyak didorong oleh pengaruh media massa yang memaparkan adegan ganas dan unsur-unsur negatif yang lain. Program-program yang ditayangkan di televisyen swasta, misalnya, terlalu banyak mengandungi perlakuan remaja barat seperti berlaku kurang ajar dengan orang yang lebih tua, liar dan bebas melakukan apa sahaja.

Suatu masa dahulu kita hanya mempunyai satu stesen televisyen iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM). Namun, impak negatif melalui program televisyen perdana tersebut kepada remaja tempatan agak kurang jika hendak dibandingkan dengan program-program TV swasta masa kini. Hakikatnya era globalisasi yang tidak mempunyai batas dan sempadan sebenarnya banyak menyumbang kepada gejala yang tidak baik terutamanya kepada remaja-remaja di Asia.

Sebenarnya, kejadian buli bukan sahaja berlaku pada zaman ini. Sebaliknya ia mungkin telah lama berlaku sejak dulu lagi. Ia seperti yang telah kita tonton filem-filem arahan P. Ramlee era 1950-an dan 1960-an yang berjaya memaparkan kehidupan remaja pada waktu itu yang turut mempunyai budaya samseng dan buli. Filem *Anakku Sazali* dan *Penarik Beca* cukup menjadi bukti tentang perilaku anak-anak muda pada zaman tersebut. Memang ia hanya sebuah filem, tetapi P. Ramlee banyak menggalurkan isu-isu realiti dalam latar kehidupan masyarakat dan latar zaman yang berlaku pada waktu itu.

Sebenarnya pada zaman dahulu, budaya samseng dan buli ini bukannya satu isu sensasi yang boleh didedahkan di dada-dada akhbar sewenang-wenangnya. Mungkin berita sebegini tidak berapa penting atau pun mungkin ia adalah masalah yang remeh-temeh. Namun, pada zaman ini, budaya negatif berkenaan dianggap serius kerana ia semakin

mengancam nyawa dan keselamatan remaja. Akhbar-akhbar tempatan juga semakin ghairah memaparkan kejadian-kejadian yang semakin menggiila di kalangan remaja kita dewasa ini. Inilah cabaran baru negara kita.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Dr. Noran Fauziah baru-baru ini, antara punca mengapa golongan remaja melakukan buli adalah kerana faktor pengaruh rakan sebaya. Pembuli pada kebiasaannya akan mencari ahli kumpulannya sendiri dan bergerak juga secara berkumpulan. Jadi, geng pembuli ini menjadi kuat jika bersama kumpulan mereka untuk mencapai kepuasan dan kepentingan diri sendiri.

Kajian Dr. Noran Fauziah juga membuktikan bahawa kebanyakan pembuli mempunyai masalah psikologi atau lebih tepat lagi mereka ini mengalami masalah kendiri. Pembuli sebenarnya mempunyai banyak dimensi pemikiran yang membolehkan mereka mengancam dan menindas golongan yang lebih lemah dan bertubuh kecil.

"Realitinya, pembuli di kalangan pelajar lelaki sebenarnya mempunyai perasaan ego yang lebih tinggi dan terlalu bangga dengan fizikal mereka yang lebih besar berbanding rakan-rakan mereka yang bersaiz kecil. Kajian juga membuktikan bahawa ramai remaja lelaki yang menjadi pembuli terdiri daripada mereka yang bertubuh besar dan lebih kuat berbanding mangsa-mangsa mereka.

"Salah satu sifat semula jadi remaja lelaki ialah mengawal atau mendominasi golongan yang lemah untuk kepentingan diri dan mempamerkan ego kekelakuan mereka. Bagi mereka, mendominasi orang lain merupakan satu kepuasan untuk diri sendiri," ujar Dr. Noran Fauziah kepada MASSA.

Pensyarah Psikologi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Asmah Bee Md. Noor pula berpendapat, pihak sekolah dan guru boleh dilibatkan dalam kejadian buli ini. Ini kerana guru-guru pada waktu ini sebenarnya tidak mempunyai kualiti sebagai pendidik yang setaraf dengan guru-guru pada zaman dahulu. Sekarang kebanyakan guru hanya berperanan sebagai pengajar akademik semata-mata dan bukannya menjadi rakan atau pemantau disiplin yang baik kepada para pelajar di sekolah.

Mungkin guru-guru zaman baru ini mempunyai beban kerja yang terlalu banyak sehinggakan mereka tidak cukup tangan untuk menjengah permasalahan

yang boleh dianggap 'minor' atau mungkin antara lain negara mengalami masalah kekurangan guru untuk mengawal jumlah pelajar yang semakin bertambah saban tahun.

Jika benar negara mengalami kekurangan guru, mengapa Kementerian Pelajaran tidak serapkan golongan penganggur berijazah sebagai guru tetap di sekolah-sekolah? Golongan penganggur berijazah ini sebenarnya cukup ramai, malah mereka terbukti mempunyai tahap pendidikan dan pemikiran yang tinggi berbanding guru-guru lepasan SPM yang mengikuti program diploma di maktab-maktab perguruan seluruh negara.

Asmah Bee turut menjelaskan kajian yang pernah dilakukannya pada 1985 di Selangor mengenai pembuli di kalangan pelajar sekolah. Berdasarkan laporan

*Kebanyakan pembuli pandai menyembunyikan perlakuan dan tingkah laku mereka daripada pengetahuan ibu bapa. Kadangkala mereka akan berkelakuan baik dan pamer muka tidak bersalah di hadapan ibu bapa*

yang diperoleh, kebanyakan pembuli mempunyai kes buruk atau masalah disiplin di sekolah. Malah, pembuli-pembuli yang bermasalah ini sebenarnya berpotensi untuk membawa perwatakan negatif berkenaan sehingga ke alam dewasa atau ke alam pekerjaan suatu hari nanti.

Di asrama sekolah, kejadian buli boleh berlaku pada bila-bila masa sekiranya guru yang bertindak sebagai warden tidak menjalankan tugas dengan baik. Warden yang baik sebenarnya perlu membuat pemantauan dan rondaan yang kerap di asrama. Malah, mereka perlu bertindak sekiranya terdapat sebilangan pelajar membuat aduan terhadap kejadian buli ini.

Asmah Bee juga tidak menafikan bahawa terdapat sebilangan guru yang mengambil sikap 'endah tidak endah' terhadap para pelajar yang membuat laporan mengenai kejadian buli. Guru-guru berkenaan juga cuba mengamalkan

sikap 'lepas tangan' dan beranggapan bahawa kejadian buli adalah masalah peribadi pelajar yang boleh ditangani sendiri dan bukannya masalah besar.

Menurut laporan kajian Asmah yang dibentangkan di dalam Seminar Pendidikan (1985), kebanyakan pembuli mempunyai masalah tekanan jiwa, tidak tenteram, emosi terganggu dan sering kali melakukan perkara-perkara yang menarik perhatian orang lain.

Golongan pembuli ini juga bukan sekadar membuli dalam bentuk wang, sebaliknya mereka juga melakukan buli emosional dan fizikal. Namun, kebanyakan pembuli mempunyai tahap IQ yang tinggi yang secara tidak langsung menjadi senjata kepada mereka untuk merancang dan menyusun strategi bagi melakukan buli ke atas rakan-rakan yang lebih muda.

Kebanyakan pembuli pandai menyembunyikan perlakuan dan tingkah laku mereka daripada pengetahuan ibu bapa. Kadangkala mereka akan berkelakuan baik dan pamer muka tidak bersalah di hadapan ibu bapa sehingga ibu bapa tidak percaya kepada laporan yang dibuat oleh guru.

Masalah buli sebenarnya perlu dikawal dari awal lagi. Pihak sekolah dan pengurusan asrama sebenarnya perlu menggerakkan badan pengawas dan pemantau agar lebih aktif dan berani bertindak untuk mengawasi permasalahan disiplin remaja sekolah.

Jika pengurusan disiplin di sekolah longgar, maka kejadian buli ini akan semakin berleluasa dan para pelajar akan menjadi bebas untuk melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di sekolah-sekolah.

"Saya percaya masalah buli ini terletak kepada tahap disiplin pelajar. Malah kita tidak patut menyalahkan warden sekolah semata-mata dalam kejadian berkenaan. Ini satu tuduhan yang tidak adil kerana di setiap asrama sekolah juga terdapat pengawas-pengawas asrama yang bertugas.

"Satu lagi masalah yang kita terpaksa hadapi adalah sikap remaja sekolah yang pentingkan diri sendiri dan tidak mengendahkan perkara-perkara besar yang menimpa rakan-rakan mereka.

"Sikap ini setidak-tidaknya akan menyebabkan mangsa buli terpaksa menghadapi masalah ini sendirian," ujar Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Ismail Nihat. □